



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Shah Alam, Selangor, Malaysia. Tel: 592311-3, 592721-6

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan

Perpustakaan Tun Abdul Razak

Institut Teknologi MARA

Shah Alam

Selangor.

BUSINESS RESEARCH : BUS 364

"MENGAPAKAH KOMPLEKS KERETA KABEL
BUKIT NANAS MENEMUI KEGAGALAN ?"

PENGHARGAAN

Kami mengambil kesempatan yang amat berharga ini untuk mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada Encik Zamhot Hasan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek, Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia selaku penasihat kepada penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Amiruddin Abu, Cik Norhayati dari Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia atas kerjasama mereka didalam memberi maklumat maklumat untuk penyelidikan ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Encik Rosly Selamat selaku Ketua Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan dan pensyarah kepada matapelajaran Business Research atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali ucapan terima kasih kami ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini samada secara langsung atau tidak langsung.

Segala bantuan dan kerjasama yang diberikan kami sanjung hingga keakhir hayat.

KANDUNGAN

BAB I: PENGENALAN (INTRODUCTION)

1.0: Kompleks Bukit Nanas Sepintas Lalu	1
1.1: Kenyataan Masalah Yang Dikaji	2
1.2: Objektif Penyelidikan	2
1.3: Kepentingan Penyelidikan	3
1.4: Hypothesis Penyelidikan	4
1.5: Skop dan Had Penyelidikan	5

BAB 2: METHODOLOGI

2.0: Methodologi Penyelidikan	6
2.1: Kaedah Perlaksanaan Pengumpulan Data	7

BAB 3: RINGKASAN KESELURUHAN PENYELIDIKAN

3.0: Ringkasan Penyelidikan (Executive Summary)	9
---	---

BAB 4: MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI (FINDINGS)

4.0: Pengeluaran Cadangan Projek	12
4.1: Objektif Perancangan Projek	13
4.2: Lokasi yang dicadangkan	15
4.3: Komponen komponen projek yang dirancang	17
4.4: Sumber keewangan pembiayaan projek	17
4.5: Cara mendapat balik modal	18
4.6: Kajian perancangan asas	19
4.7: Projek yang dirancang yang gagal di laksanakan	20

1.0 Kompleks Bukit Nanas Sepintas Lalu

Kompleks Bukit Nanas ditutup dengan rasmi kepada orang ramai pada 1 hb Januari 1984.

Kompleks yang menelan belanja besar ini kini tinggal senyap sunyi setelah operasinya di berhentikan.

Tiang kabel yang merentangi kawasan laluan masih berdiri tegak di tempatnya dan kereta kabel tersadai begitu sahaja.

Suatu masa dulu ia menjadi kebanggaan masyarakat negara ini, bukan sahaja kepada masyarakat Kuala Lumpur malah negeri negeri yang berhampiran dan tidak kurang juga yang datang dari luar. Kereta kabel itu berulang alik membawa pengunjung dari pagi hingga kepetang.

Kompleks yang menjadi kebanggaan ini akhirnya melalui zaman kegelapan. Walaupun pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan berusaha memperbaiki keadaan untuk menyelamatkan kompleks ini tetapi projek komersial ini tidak dapat di lanjutkan lagi operasinya.

Kini ianya tinggal menjadi kenangan bagi mereka yang pernah mengunjunginya.

1.1. Kenyataan Masalah Yang Dikaji

Isu kegagalan Kompleks Kereta Kabel Bukit Nanas dipilih menjadi tajuk dan sumber utama penyelidikan kami setelah satu rencana mengenainya tersiar dalam akhbar Mingguan Malaysia di ruangan Pancaindera, di bawah tajuk, "Apa sudah jadi pada Kereta Kabel Bukit Nanas?" keluaran 20hb. Februari, 1985 (Ahad).

Dari rencana itulah kami telah memperolehi satu persoalan pokok yang kami rasakan perlu diselidiki untuk memperolehi gambaran yang jelas terhadap isu tersebut.

Masalah kegagalan Kompleks Kereta Kabel ini, kami letakkannya sebagai bahan penyelidikan kami dibawah tajuk-"Mengapakah Kompleks Kereta Kabel Bukit Nanas Menemui Kegagalan?"

1.2. Objektif Penyelidikan

Objektif penyelidikan ini ialah untuk memperolehi gambaran yang jelas dan nyata serta faktor yang tepat mengenai kegagalan Kompleks Kereta Kabel Bukit Nanas beroperasi setelah langkah penutupannya dibuat oleh pihak kerajaan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC).